

**PERANAN GURU-GURU MELAYU DALAM  
MEMAJUKAN MASYARAKAT MELAYU,  
1900-1941**

Oleh

**HASNAH BINTI HUSSIIN**

**Disertasi Untuk Memenuhi Keperluan Ijazah Sarjana  
Sastera Fakulti Sastera dan Sains Sosial**

**Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
1999**

Perpustakaan Universiti Malaya



A508765135

OK

Dimikrofikasikan pada..... 31/12/2001  
No. Mikrofis..... 15078  
Jumlah Mikrofis..... 4  
HAMSIAH BT MOHAMAD ZAHARI  
UPR UNIT PROGRAF  
PERPUSTAKAAN UTAMA  
UNIVERSITI MALAYA

**CLOSED STACKS**

## **ISI KANDUNGAN**

	Muka surat
Penghargaan	ii
Singkatan kata	iv
Abstrak	vi
Pendahuluan	xii
Bab 1: Guru-guru dan Masyarakat Melayu Pada Awal Abad Ke-20	1 - 45
Bab 2: Pendidikan: Pembaharuan Dan Kepentingannya	46 - 97
Bab 3: Bahasa Melayu: Pembelaan Dan Kemajuan	98 - 164
Bab 4: Ekonomi: Saranan Dan Pembelaan	165 - 199
Bab 5: Politik: Saranan Dan Corak Perjuangan	200 - 241
Bab 6: Pembelaan Wanita Melayu	242 - 273
Bab 7: Kesimpulan	274 - 280
Bibliografi	281 - 300
Lampiran	301 - 351

## PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan izinNya dapatlah saya menyiapkan kajian ini. Penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih saya rakamkan kepada penyelia yang sangat saya kagumi iaitu Profesor Madya Dr. Adnan bin Haji Mohd Nawang kerana bimbingan, galakan, kesabaran dan keikhlasan beliau sepanjang saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Bimbingan akademik yang beliau berikan amatlah dihargai.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas pertolongan dan kerjasama yang telah diberikan kepada saya oleh para pegawai dan juga kakitangan daripada beberapa institusi yang berkaitan. Terima kasih kepada pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya Kuala Lumpur dan Pepustakaan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Terima kasih juga ditujukan kepada teman-teman akademik yang telah memberi galakkan dan sokongan kepada saya semasa kerja-kerja penyelidikan dan penulisan ini dilakukan. Terima kasih kepada Nana, Ani, Siti Fatimah, Ho Hui Ling, Yunus dan Din yang merupakan penghuni di bilik Pengajar Satu.

Terima kasih juga ditujukan kepada semua kakitangan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya terutamanya kak Samiah dan kak Afidah kerana sudi meluangkan

masa menaip tesis ini. Kepada semua teman yang tidak dapat disebutkan namanya di sini, jutaan terima kasih diucapkan kerana telah memberikan banyak kerjasama kepada saya. Penghargaan yang tidak ternilai juga ditujukan kepada kedua ibu bapa dan adik-adik tersayang Ana dan Ani dan wawa kerana sentiasa memahami dan memberikan inspirasi untuk meneruskan cita-cita ini. Tidak lupa juga buat tunang tersayang yang sentiasa mengiringi penulis dalam menempuh liku-liku hidup ini. Kehadiranmu membawa seribu pengertian.

Semoga Allah memberikan rahmat kepada mereka semua.

Hasnah Binti Hussiin  
Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
1999

## SINGKATAN KATA

<b>CO</b>	Colonial Office
<b>FMS</b>	Federated Malay States
<b>JMBRAS</b>	Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society
<b>KMM</b>	Kesatuan Melayu Muda
<b>MBRAS</b>	Malaysian Branch Royal Asiatic Society
<b>MCKK</b>	Malay College Kuala Kangsar
<b>MPSI</b>	Maktab Perguruan Sultan Idris
<b>MG</b>	Majalah Guru
<b>NNMB</b>	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
<b>NNS</b>	Negeri-negeri Selat
<b>OUP</b>	Oxford University Press
<b>PMS</b>	Persatuan Melayu Selangor
<b>SP</b>	Surat Persendirian
<b>SITC</b>	Sultan Idris Training College

## **Guru Melayu**

Laksana sorak sorai soldadu  
Menyerbu kubu di medan perang  
Demikianlah tempik guru Melayu  
Masuk masyarakat zaman sekarang

Guru Melayu pilihan utama  
Mempunyai semangat cita-cita baru  
Setiap waktu fikiran menjelma  
Mengubah yang kuno kepada yang baru

Guru Melayu penyuluhan kampung  
Mendidik umat sama sebangsa  
Setiap waktu kewajipan melingkung  
Sentiasa dikerjakan dengan ria

Kepada kaum guru Melayu  
Terletak kewajipan yang maha berat  
Menukar baharu yang usang keliru  
Menulis sejarah menulis riwayat

Kepada kaum guru-guru sekarang  
Terletak rahib masa hadapan  
Kecekapan kamu membawa terang  
Lali! Membawa kembali ke zaman kegelapan

"Guru Melayu", **Majalah Guru**, Jun 1940, hlm. 222.

## **Abstrak**

Perkembangan pendidikan di Tanah Melayu sejak abad ke-19 telah melahirkan golongan intelektual di kalangan orang Melayu. Di antara golongan intelektual tersebut adalah guru-guru Melayu. Pada waktu itu, walaupun golongan ini tidak ramai, tetapi jasa dan sumbangan mereka terhadap agama, bangsa dan tanahair adalah sangat besar.

Kajian ini adalah mengenai peranan guru-guru Melayu dalam memajukan masyarakat Melayu dalam pelbagai bidang sama ada dari segi politik, ekonomi, bahasa Melayu, pendidikan dan sosial. Peranan golongan ini perlu ditonjolkan kepada masyarakat umum agar mereka tidak memandang guru-guru itu dari sudut pengajaran dan pembelajaran semata-mata. Guru-guru Melayu mempunyai peranan dan pengaruh yang besar, khususnya dalam membawa kemajuan kepada masyarakat Melayu sebelum Perang dunia Kedua.

Guru-guru Melayu yang sememangnya sudah didedahkan dengan pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakatnya telah berkorban masa dan tenaga dengan melibatkan diri mereka bukan sahaja sebagai pendidik, malahan lebih dari itu. Masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu di bawah penjajahan British telah menjadi topik perjuangan mereka. Antara isu yang dibangkitkan oleh guru-guru Melayu ialah mengenai pendidikan. Sistem pendidikan orang Melayu walaupun sudah memasuki dua dekad, masih lagi rendah kualitinya sama ada dari

segi kurikulum, orientasi pembelajaran, guru-guru dan kelengkapan pembelajaran. Seiring dengan itu juga, isu bahasa Melayu telah mendapat perhatian yang serius oleh guru-guru Melayu. Ini memandangkan pada masa penjajahan British, bahasa Melayu seakan hilang kegemilangannya kerana mendapat persaingan dengan bahasa Inggeris. Guru-guru Melayu mahukan agar bahasa Melayu kembali menjadi “Lingua-Franca” di Asia Tenggara. Kelemahan bahasa Melayu dipercayai akan melenyapkan bangsa Melayu dan identiti Melayu itu sendiri.

Masalah kemiskinan orang Melayu juga telah mendapat perhatian daripada guru-guru Melayu. Dalam hal ini, kemiskinan dikaitkan dengan kemunduran ekonomi orang Melayu. Masalah kemunduran ekonomi orang Melayu telah memberi kesan kepada kedudukan politik orang Melayu. Ini berlaku apabila adanya persaingan antara orang Melayu dengan bangsa asing seperti Cina dan India untuk mendapatkan hak-hak politik dan ekonomi. Guru-guru Melayu telah berperanan menyedarkan orang Melayu agar bersama-sama mempertahankan hak ekonomi dan politik mereka.

Golongan wanita Melayu juga dilihat oleh guru-guru Melayu sebagai golongan yang tidak harus diperkecilkan peranannya dalam masyarakat. Guru-guru Melayu menyedarkan masyarakat Melayu agar wanita Melayu perlu diberi pembelaan yang sewajarnya dan diberi kebebasan untuk menentukan nasib mereka. Dengan cara ini, wanita Melayu tidaklah tersisih dan boleh menjadi penggerak dalam kemajuan bangsa dan negara.

Usaha guru-guru Melayu untuk memajukan masyarakat Melayu dalam pelbagai aspek ini telah disalurkan melalui rencaran-rencana yang dimuatkan dalam akhbar dan majalah (merangkumi majalah-majalah yang diterbitkan oleh persatuan guru-guru dan juga akhbar dan majalah lain), menulis buku, pendidikan di sekolah, ceramah dan lawatan ke kampung-kampung. Walaupun perjuangan mereka sentiasa menjadi perhatian pihak penjajah British, semangat untuk memajukan bangsa tetap diteruskan.

## **Abstract**

The growth of education in Malaysia since the 19<sup>th</sup> century had led to the birth of a group of Malay intellectuals. This group included Malay teachers. Though the number was small, their deeds and contributions towards their religion, nation and country are great.

This study aims to highlight the roles these Malay teachers played in the development of the fields of politics, economy, the Malay language, education and social. It intends the public to realise and acknowledge that these Malay teachers of yesteryears were beyond mere instructors and thus should not be viewed as such. These teachers were actually very influential, specifically in bringing progress to the Malay community prior to the World War II.

These Malay teachers who had already long experienced or faced the many problems of the Malay society therefore sacrificed much of their time and energy to become more than just an educator or teacher. They became voices that advocated freedom from their British colonial masters. The issues of that time included education, which had entered its second decade. However, its low quality continued to prevail, be it from its curriculum or curricular activities, education orientation, teacher and learning facilities.

Apart from that, the issue of the Malay language also got equal attention. This was because at the time of the British rule, the language was seen to have lost its glory. There teachers wanted to return the national language to its rightful place as the Lingua Franca of South East Asia as it once was. They believed that if the national language were to disappear, so would the Malay identity and culture.

They were also concerned about the poverty-stricken Malays. They believed that this condition affected the Malay economy and their political situation. This was due to the fierce competition between the Malays and other races like the Chinese and Indians. Hence these intellectuals wanted to give the Malays the awareness so that they would together stand up and fight for their rights and identity.

They also advocated that women's roles should not be minimised in society. They also fought for women's rights and freedom. Therefore, women should not be ostracised or neglected, because provided the opportunity, women could also be pillars of the nation.

The efforts of Malay teachers to bring progress to their nation in various aspects were channelled through articles featured in the newspapers and magazines (inclusive of magazines or newsletters published by the Teachers' Association and other newspapers and magazines), as well as books they produced. Apart from their written works, they also disseminated their ideas while teaching, and giving talks during their visits to various

villages. Their enthusiasm and spirits to advance their race remained strong even though the British colonials closely monitored them.

## PENDAHULUAN

Sejarah masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Kedua telah diwarnai oleh berbagai peristiwa politik, ekonomi dan sosial. Kedudukan masyarakat Melayu di bawah pentadbiran British telah mendapat perhatian golongan intelektual Melayu sama ada yang berpendidikan Melayu, Agama dan Inggeris. Di antara golongan tersebut terdapat golongan wartawan. Beberapa kajian dibuat untuk menonjolkan peranan golongan tersebut dalam memberikan kesedaran dan kemajuan kepada masyarakat Melayu. Antaranya, buku yang dituliskan oleh Abdul Latiff Abu Bakar bertajuk **Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984 dan **Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948**, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977.

Kedua-dua karya Abdul Latiff tersebut membincangkan peranan dua wartawan Melayu yang terkenal pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an. Mereka ditonjolkan sebagai penulis wartawan yang prihatin terhadap masalah kemunduran masyarakat Melayu. Idea-idea kemajuan yang di bawa kepada masyarakat Melayu disalurkan melalui kegiatan kewartawanan. Melalui kegiatan kewartawanan ini jugalah nama Ishak Haji Muhammad dan Abdul Rahim Kajai menjadi terkenal.

Adanya kajian-kajian yang dibuat mengenai peranan pejuang-pejuang Melayu tersebut, telah memberi ilham kepada penulis untuk mengkaji peranan satu golongan yang turut memainkan peranan penting dalam membawa kemajuan kepada masyarakat

Melayu pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua. Mereka adalah guru-guru Melayu. Golongan ini perlu diketengahkan memandangkan pada waktu itu mereka bukan sahaja bertindak sebagai pendidik, malahan pada masa yang sama adalah juga penulis, wartawan dan ahli politik.

Dalam masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Kedua, guru-guru Melayu dianggap sebagai golongan menengah yang paling dihormati dan disanjung oleh masyarakat. Guru-guru Melayu pada masa ini dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu guru sekolah Agama, guru sekolah Melayu dan guru sekolah Inggeris.

Perkembangan pendidikan Melayu dengan tertubuhnya maktab-maktab perguruan telah melahirkan guru-guru yang akhirnya menjadi pemangkin dan penggerak kepada kemajuan bangsa. Kehadiran mereka dalam menyelesaikan permasalahan orang Melayu pada waktu itu menjadikan mereka sebagai golongan yang bertanggungjawab untuk memajukan bangsanya.

[S]ebagai cerdik pandai di desa dan di mana mereka bertugas, mereka adalah menjadi tenaga penggerak bagi pembangunan masyarakat.<sup>1</sup>

[S]chool teacher always among the better educated and more intellectually active of young Malays during these years, played an important role in all form of journalism....<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Abdullah Sanusi Bin Ahmad, "Guru Dalam Pembangunan Negara," Dewan Masyarakat, Ogos 1973,hlm.18.

<sup>2</sup> W.R. Roff, **Bibliography of Malay and Arabic Periodicals**, Oxford University Press, 1922, hlm. 14.

Guru-guru Melayu secara disedari atau tidak telah memainkan peranan penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu ke arah kemajuan. Semangat kental yang ada di jiwa guru-guru Melayu untuk memajukan masyarakat Melayu dapat diperkuuhkan lagi dengan adanya kerjasama di antara mereka melalui persatuan guru. Keadaan ini telah membawa guru-guru Melayu ke dalam satu kesatuan atau gerakan yang lebih besar. Perjuangan guru-guru Melayu untuk membela bangsa Melayu ini tidak lenyap begitu sahaja malahan selepas Perang Dunia Kedua, kegiatan mereka semakin rancak dengan adanya isu pendidikan dan bahasa Melayu yang sememangnya telah dibahaskan oleh mereka sebelum merdeka.

Kesedaran guru-guru Melayu terhadap kerendahan dan kemunduran bangsa Melayu ekoran daripada pendidikan yang diterima dan juga pengaruh daripada negara luar seperti Timur Tengah dan Indonesia. Guru-guru Melayu mendapat ilham untuk memajukan bangsa Melayu dengan cara diadakan perubahan ke atas sistem pendidikan, bahasa Melayu, ekonomi dan politik. Peranan dan sumbangan mereka untuk memperbaiki keadaan inilah yang akan dibincangkan dalam kajian ini.

Walaupun terdapat banyak tulisan berkenaan dengan peranan guru-guru Melayu tetapi penulis merasakan masih belum memadai. Antaranya ialah Hasan bin Muhammad Ali "Peranan dan Pemikiran Guru-guru Melayu Dalam Perkembangan Kesusateraan Kebangsaan," Seminar Bersama Kesatuan Guru-guru Melayu Semenanjung dan Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979, Mohd. Atan bin Bulat,

"Peranan Guru-guru Melayu Dalam Perjuangan Mencipta Kemerdekaan Tanahair," **Bingkisan Merdeka**, 1957, dan Atan Long, "Sumbangan Guru-guru Melayu Kepada Pendidikan," Seminar Guru-guru Melayu Malaysia Barat dan Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979. Kajian yang berbentuk artikel tidak memungkinkan pengkaji tersebut membincangkan sesuatu perkara dengan lebih meluas dan terperinci. Begitu juga dengan tajuk pengkajiannya sempit, iaitu menekankan kepada salah satu daripada peranan guru-guru. Penulis merasakan peranan guru-guru Melayu perlu dikupas dengan lebih menyeluruh dalam satu kajian. Walau bagaimanapun, kajian yang pendek ini banyak memberi asas kepada kajian penulis.

Peranan guru-guru Melayu perlu diberikan ruang dalam sejarah Malaysia, kerana penglibatan guru-guru Melayu dalam masyarakat Melayu telah membawa erti yang besar terhadap perkembangan masyarakat Melayu. Apa yang masyarakat Melayu rasai sekarang ini, sebahagiannya datang daripada usaha guru-guru Melayu pada masa lampau. Justeru itu, kajian ini dinamakan "Peranan Guru-guru Melayu Dalam Memajukan Masyarakat Melayu, Tahun 1900-1941." Dari tajuk yang dinyatakan, tumpuan ialah kepada peranan guru, iaitu melihat sumbangan idea dan pemikiran mereka untuk memajukan masyarakat Melayu.

Kajian ini akan dibahagikan kepada tujuh bab. Dalam bab satu, juga pengenalan kepada kajian ini dibincangkan sejarah ringkas penubuhan maktab-maktab perguruan yang mana melalui maktab-maktab inilah lahirnya guru-guru terlatih dalam masyarakat

Melayu. Hubungan yang rapat antara guru dengan masyarakat Melayu menyebabkan mereka dapat memahami masalah dan keadaan masyarakatnya.

Dalam bab kedua, peranan guru-guru Melayu dalam memajukan pendidikan orang Melayu akan dibincangkan. Ini memandangkan pendidikan Melayu sejak diperkenalkan oleh British pada awal abad ke-20, masih berada pada tahap yang mundur dari segi kurikulum, orientasi pembelajaran, pentadbiran dan sebagainya. Justeru itu, guru-guru Melayu telah mengambil langkah menyeru kepada kerajaan kolonial agar mengambil langkah yang wajar untuk mengubah dan memperbaiki pendidikan Melayu.

Dalam bab ketiga, perhatian diberikan kepada peranan guru-guru untuk memajukan Bahasa Melayu. Bahasa Melayu yang sememangnya menjadi Lingua-franca di Asia Tenggara sejak awal abad ke-15, semakin pudar kegemilangan dan kedudukannya, khususnya apabila Tanah Melayu berada di bawah pentadbiran British. Bahasa Melayu terpinggir dan diperkecilkan kedudukannya apabila Bahasa Inggeris mula bertapak seiring dengan pengukuhan penjajahan British di Tanah Melayu. Bahasa Inggeris digunakan dalam urusan pentadbiran, urusan rasmi dan dalam sistem pendidikan kolonial. Keadaan ini dilihat oleh guru-guru Melayu sebagai “pengancam” kepada Bahasa Melayu. Untuk itu, mereka telah melibatkan diri dalam bidang kewartawanan dan kesusasteraan.

Dalam bab empat, peranan guru-guru dalam memajukan ekonomi orang Melayu. Guru-guru Melayu menyedari bahawa salah satu faktor yang menyebabkan orang Melayu

tidak mampu untuk bertanding dan bersaing dengan bangsa asing pada waktu itu disebabkan faktor kemiskinan mereka. Malahan faktor kemunduran ekonomi telah menjadi penyebab kepada kemiskinan orang Melayu dalam pelbagai bidang yang lain termasuk pendidikan. Guru-guru Melayu telah berperanan memberi kesedaran kepada orang Melayu agar mengubah kegiatan ekonomi mereka dan menyarankan langkah-langkah tertentu untuk memajukan ekonomi orang Melayu.

Dalam bab lima, peranan guru-guru Melayu dalam memberi kesedaran politik akan dibincangkan. Ini bertepatan dengan kedudukan orang Melayu yang semakin hari semakin terancam oleh kedatangan bangsa asing seperti penjajah British, orang Cina dan orang India. Guru-guru bertindak mewakili orang Melayu melalui kegiatan politik yang memperjuangkan cita-cita untuk menentang penjajah dan cengkaman bangsa asing (Cina dan India) ke atas politik, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu. Hubungan erat antara guru-guru Melayu khususnya di MPSI dengan gerakan kebangsaan di Indonesia telah mempengaruhi corak perjuangan politik guru-guru di Tanah Melayu, iaitu untuk menentang penjajahan. Di samping menulis dalam akhbar dan majalah, mereka secara langsung telah terlibat dalam pertubuhan politik.

Dalam bab enam pula, kajian ditumpukan kepada peranan guru-guru Melayu untuk memartabatkan kedudukan wanita Melayu yang selama ini dipandang rendah dan tidak mempunyai kepentingan apa-apa kecuali menjadi seorang isteri dan ibu di rumah. Peranan wanita di bidang yang lain daripada itu adalah dianggap tidak sesuai untuk wanita. Guru-guru Melayu menyedarkan masyarakat Melayu bahawa sekiranya sesebuah

masyarakat itu ingin maju, kedudukan wanita yang terpinggir selama ini perlu diperbaiki dan dikaji semula. Oleh itu, timbul konsep “emansipasi wanita” atau “pembebasan wanita.” Emansipasi wanita yang diperjuangkan oleh guru-guru Melayu sebelum Perang Dunia Kedua merupakan antara usaha untuk memajukan masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Manakala bab tujuh ialah kesimpulan.

Dalam melakukan kajian ini, penulis telah melakukan penyelidikan terhadap akhbar dan majalah, surat persendirian, laporan rasmi kerajaan (Colonial Office), artikel, buku dan rakaman temuramah yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia. Masalah yang tidak dapat dielakkan oleh penulis ialah kesukaran mendapatkan bahan yang lengkap iaitu akhbar dan majalah lama yang tidak lengkap keluarannya dan juga halaman yang telah hilang, koyak dan sukar dibaca (tulisan kabur). Soal untuk mendapatkan bahan tentang pergerakan politik guru-guru Melayu secara langusung dan menyeluruh sangat sukar kerana tidak banyak rekod yang disimpan secara lengkap melainkan selepas Perang Dunia Kedua.